

19 APR 1998

JOHOR BERPOTENSI TERNAK 50,000 EKOR LEMBU SETAHUN

KOTA TINGGI, 19 April (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata Johor berpotensi memternak sebanyak 50,000 ekor lembu setahun melalui sistem ternakan bersepadu di ladang kelapa sawit.

Buat masa ini, terdapat lebih satu juta hektar ladang kelapa sawit yang dikenal pasti sesuai untuk kegiatan ternakan lembu secara integrasi dalam ladang, katanya pada pelancaran Program Integrasi Ruminan Negara Dalam Ladang di Ladang YPJ, dekat sini, hari ini.

Pelancaran program itu dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, kata Abdul Ghani, sistem ternakan itu hanya mendapat sambutan daripada Felcra dan ladang milik pekebun kecil.

"Pemilik ladang swasta bersikap dingin dengan memberi alasan mereka memerlukan ramai tenaga kerja untuk mengawal lembu, kerosakan pada akar pokok sawit kerana dipijak lembu dan ragu terhadap daya maju komersil kegiatan itu," kata beliau.

Kerajaan kini menggalakkan industri makanan tempatan bagi mengurangkan pergantungan kepada bahan makanan eksport sekaligus menyekat pengaliran keluar wang negara.-- BERNAMA

MKO MAI